TERMA DAN SYARAT BAGI BSN MYGOLD ACCOUNT-i (BSN MGA-i) / BSN JUNIOR MYGOLD ACCOUNT-i (BSN JMGA-i)

TERMS AND CONDITIONS OF BSN MYGOLD ACCOUNT-i (BSN MGA-i) / BSN JUNIOR MYGOLD ACCOUNT-i (BSN JMGA-i)

Berikut ialah Terma dan Syarat yang mentadbir pembukaan dan pengendalian BSN MGA-i dan BSN JMGA-i di Bank Simpanan Nasional ("Bank"). Dengan membuka BSN MGA-i atau BSN JMGA-i, Pelanggan atau Pemegang Amanah (mewakili Pelanggan Minor) dengan ini bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan terma-terma, syarat-syarat, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan di bawah termasuk sebarang pindaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
Enumerated below are the Terms and Conditions governing the opening and the operation of BSN MGA-i dan BSN JMGA-i in Bank Simpanan Nasional ("Bank"). By opening the BSN MyGold Account-i or BSN Junior MyGold Account-i, the Customer or Trustee (representing Minor Customer) hereby agrees to abide and to be bound by the following terms, conditions, rules and regulations, inclusive of any variation that may be prescribed by the Bank from time to time.

1. Definisi dan Tafsiran / *Definitions and Interpretations*

1.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya secara nyata, takrif dan taksiran berikut hendaklah terpakai:
Unless otherwise expressly specified, the following definitions and interpretations shall apply:

a) "Akaun Yang Ditetapkan" bermaksud BSN Giro/i Pelanggan atau Pelanggan Minor yang akan dihubungkan dengan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i untuk memudahkan transaksi pendebitan atau pengkreditan akaun yang ditetapkan bagi pembelian atau penjualan emas atau Fi dan Caj yang mungkin dikenakan ke atas Pelanggan atau Pelanggan Minor di bawah BSN MGA-i atau BSN JMGA-i.

"Designated Account" means the Customer's / Minor Customer's BSN Giro/i that will be tagged and linked with the BSN MGA-i / BSN JMGA-i to facilitate a transaction of debiting or crediting during the purchase and sale of gold or Fees and Charges that may be imposed on the Customer or Minor Customer under the BSN MGA-i or BSN JMGA-i.

b) "Bank" bermaksud Bank Simpanan Nasional.

"*Bank" means Bank Simpanan Nasional.*

c) "Bar Emas Fizikal" bermaksud emas fizikal dengan tahap ketulenan 999.9 dan berat 1,000 gram bagi setiap bar yang dihasilkan oleh kilang. Ianya dalam bentuk bar dan membawa reka bentuk sederhana dengan akreditasi oleh badan akreditasi yang diiktiraf.

"Physical Cast Gold Bar" means 999.9 purity of physical gold product with the weight of 1,000 grams per bar produced by refineries. They are in the form of bars and carry simple designs and accredited by a recognised accreditation body.

d) "Bar Emas Fizikal Khas" bermaksud jongkong emas halus yang mempunyai reka bentuk estetik yang kompleks dengan berat dan ukuran yang berbeza dan ditandai dengan perincian seperti nama pengeluar, berat, ketulenan 999.9, nombor siri dengan akreditasi oleh badan akreditasi yang diiktiraf.

"Physical Minted Gold Bar" means refined gold bars that have intricate aesthetic designs with different weights and sizes and marked with details such as manufacturer's name, weight, purity of 999.9, serial number and accredited by a recognised accreditation body.

e) "BNM" bermaksud Bank Negara Malaysia.

"*BNM" means Bank Negara Malaysia.*

f) "Butiran Keselamatan" merangkumi Kata Laluan Perbankan Elektronik, PIN dan maklumat sulit lain, kod keselamatan dan/atau peranti keselamatan yang digunakan berkaitan dengan Akaun yang Ditetapkan dan/atau BSN MGA-i atau BSN JMGA-i.

"Security Details" include Electronic Banking Password, PIN and any other confidential information, security codes and/or security devices used in relation to the Designated Account and/or BSN MGA-i or BSN JMGA-i.

g) "Ejen" merujuk kepada Bank yang dilantik sebagai ejen untuk menguruskan dan mengendalikan BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor.

"*Agent" refers to the Bank that is appointed as an agent to manage and operate the BSN MGA-i or BSN JMGA-i of the Customer or Minor Customer.*

h) "Emas" merujuk kepada ketulenan emas fizikal 999.9 dengan akreditasi oleh badan akreditasi yang diiktiraf yang terdiri daripada Bar Emas Fizikal dan Bar Emas Fizikal Khas (seperti yang ditakrifkan di bawah).

"Gold" means 999.9 purity of physical gold with accreditation by a recognised accreditation body which consists of Physical Cast Gold Bar and Physical Minted Gold Bar (as defined below).

i) "Had Transaksi" merujuk kepada had pembelian atau penjualan atau pemindahan atau penebusan maksimum sebanyak 3,000 gram bagi setiap transaksi dan had kumulatif sebanyak 10,000 gram sehari bagi setiap akaun.

"Transaction Limit" refers to a maximum purchase or sale or transfer or redemption limit of 3,000 grams per transaction and a cumulative limit of 10,000 grams per day for each account.

j) "Harga Belian" bermaksud harga belian emas semasa dalam Ringgit Malaysia untuk pembelian emas oleh pihak Bank daripada Pelanggan atau Pemegang Amanah (bagi pihak Pelanggan Minor).

"*Purchase Price" means the prevailing Gold price in Malaysia Ringgit per gram for the buying of gold by the Bank from the Customer or Trustee (on behalf of Minor Customer).*

k) "Harga Jualan" bermaksud harga emas semasa dalam Ringgit Malaysia untuk penjualan emas oleh pihak Bank kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah (bagi pihak Pelanggan Minor).

"*Sale Price" means the prevailing Gold price in Malaysia Ringgit per gram for the selling of Gold by the Bank to the Customer or Trustee (on behalf of Minor Customer).*

l) "Hari Niaga" merujuk kepada hari bekerja pihak Bank beroperasi di Malaysia (tidak termasuk cuti umum).

"*Business Day" means working days on which the Bank is operating in Malaysia (excluding public holidays).*

m) "Laman Web BSN" merujuk kepada www.mybsn.com.my, laman web yang dihoskan oleh Bank dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggannya yang mengandungi pelbagai maklumat dan borang-borang, termasuk yang terpakai kepada BSN MyGold Account-i atau BSN Junior MyGold Account-i.

"BSN's Website" refers to www.mybsn.com.my, an official website hosted by the Bank in providing services to its customers which contains various information and forms, including those applicable to BSN MyGold Account-i or BSN Junior MyGold Account-i .

n) "Notis yang memadai" bermaksud notis dua puluh satu (21) hari kalendar.

"*Adequate notice" means twenty-one (21) calendar days' notice.*

o) "Pelanggan" bermaksud pemegang akaun BSN MGA-i atau BSN JMGA-i termasuk individu, individu bersama, perkongsian, pemilikan tunggal, syarikat, kelab, pertubuhan dan persatuan, dan termasuk Pemegang Amanah (untuk BSN JMGA-i), waris, orang yang diberi kuasa, ejen, pentadbir, wakil peribadi dan pengganti hak milik melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

"Customer" means the BSN MGA-i or BSN JMGA-i accountholder(s) including individual, joint individuals, partnerships, sole proprietorships, companies, clubs, associations and societies, and shall include the Trustee (for BSN JMGA-i), heirs, authorised person, agents, administrators, personal representative and successor-in-title unless stated otherwise in these Terms and Conditions or by the Bank from time to time.

p) "Pelanggan Minor" bermaksud individu yang merupakan pemegang akaun BSN JMGA-i yang berumur bawah lapan belas (18) tahun yang mana merupakan benefisiari kepada aset dalam BSN JMGA-i tersebut.

"Minor Customer" means an individual who is an account holder of BSN JMGA-i aged below eighteen (18) years old who is the beneficiary of the assets in the said BSN JMGA-i.

q) "Pembekal Emas" merujuk kepada syarikat pembekal emas yang mempunyai reputasi yang baik, bertauliah dan berdaftar yang mana akan ditentukan dan dilantik oleh Bank untuk membekalkan Emas dari semasa ke semasa.

"*Gold Supplier" means a reputable, certified and authorised gold supplier which shall be determined and appointed by the Bank to supply the Gold.*

r) "Pembelian Awal" merujuk pada pembelian awal Emas yang dilakukan semasa pembukaan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i.

"*Initial Purchase" means initial purchase of Gold made during account opening of BSN MGA-i or BSN JMGA-i.*

s) "Pemegang Amanah" bermaksud pihak yang: (i) membuka akaun BSN JMGA-i bagi Pelanggan Minor; dan (ii) berhak melakukan apa-apa transaksi yang dibenarkan oleh Bank di bawah Terma dan Syarat ini bagi pihak Pelanggan Minor tersebut. Sebarang persetujuan dan aku janji yang diberikan oleh Pemegang Amanah kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini adalah dibuat sepenuhnya untuk dan bagi pihak Pelanggan Minor.

"Trustee" refers to the party who: (i) opens the BSN JMGA-i for a Minor Customer; and (ii) has the right to perform any transaction allowed by BSN under these Terms and Conditions on behalf of the said Minor Customer. Any consensus and undertaking provided by the Trustee to the Bank under these Terms and Conditions are made solely for and on behalf of the Minor Customer.

t) "Penandatangan Yang Diberi Kuasa" bermaksud orang yang diberi mandat atau kuasa oleh Pelanggan atau pelanggan bersama satu lagi (untuk pemegang akaun bersama) untuk mengurus dan mengendalikan BSN MGA-i.

"*Authorised signatory" means the person to whom the mandate or authorisation is given by the Customer(s) or the other co-customer (for joint account holder) to manage and operate BSN MGA-i.*

u) "Perbankan Internet BSN" merujuk kepada www.mybsn.com.my atau perkhidmatan perbankan internet yang disediakan oleh Bank di mana perkhidmatan tersebut dapat diakses oleh Pelanggan melalui internet, aplikasi mudah alih myBSN atau apa-apa medium elektronik yang disahkan oleh Bank dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat terpakai kepada penggunaan perkhidmatan tersebut.

"BSN Internet Banking" refers to www.mybsn.com.my or internet banking service made available by the Bank which may be accessed by the Customer via the internet, myBSN Mobile Application or any other electronic medium approved by the Bank and subject to the applicable terms and conditions governing their use.

v) "Perkara Insolvensi" bermaksud tindakan muflis, penggulungan atau kebankrapan, atau petisyen penggulungan atau kebankrapan yang telah diserahkan terhadap Pelanggan atau Pemegang Amanah atau Penandatangan Yang Diberi Kuasa. *"Insolvency Matter" means an act of insolvency, winding up or bankruptcy, or petition for winding up or bankruptcy which has been served against the Customer or the Trustee or the Authorised Signatory.*

w) "Perkhidmatan Penghantaran" merujuk kepada syarikat penghantaran berdaftar yang dilantik oleh Pembekal Emas untuk menghantar jongkong emas fizikal kepada Pelanggan atau Pelanggan Minor.

"Courier Services" refers to a registered courier company appointed by the Gold Supplier to deliver the physical gold bar to the Customer or Minor Customer.

x) "Pihak Berkuasa" merujuk kepada dan hendaklah merangkumi tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia (BNM), Polis Diraja Malaysia atau mana-mana badan berkanun atau badan kawal selia sama ada tempatan atau antarabangsa.

"*Authorities" refer to and shall include but not limited to Bank Negara Malaysia (BNM), the Royal Malaysia Police or any statutory or regulatory bodies whether local or international.*

y) "SMS" bermaksud sistem pesanan ringkas.

"*SMS" means short messaging system*.

z) "Terma dan Syarat" merujuk kepada terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat daripada semasa ke semasa oleh Bank dengan notis yang memadai terlebih dahulu dan hendaklah terpakai kepada pengendalian dan pengoperasian BSN MGA-i atau BSN JMGA-i.

"*Terms and Conditions" means the terms and conditions set out in this document and shall include any amendments, variations and supplements made from time to time by the Bank with prior adequate notice and shall apply to the management and the operation of the BSN MGA-i or BSN JMGA-i.*

å) "Waktu Transaksi" merujuk kepada tempoh berikut:

- Transaksi di kaunter – antara pukul 9.00 pagi dan 5.00 petang mengikut waktu operasi cawangan BSN di setiap negeri dan;
- Transaksi atas talian melalui Aplikasi Mudah Alih myBSN – antara pukul 8.30 pagi dan 11.59 malam, Isnin hingga Ahad.

"Transaction Hour" refers to the following period:

- *Over the counter transaction – between 9.00 am and 5.00 pm according to operating hour of BSN branches each state and;*
- *Online transaction via myBSN Mobile Application – between 8.30 am and 11.59 pm, Monday to Sunday.*

bb) "Yuran Pengurusan" bermaksud fi yang dicaj oleh Bank untuk menguruskan Emas di bawah jagaan Bank.

"Management Fee" means the fee charged by the Bank for managing the Gold under the Bank's custody.

2. Aplikasi-aplikasi Syariah / *Shariah Applications*

2.1 Bai' Musawamah
Kontrak Pembelian dan Jualan tanpa pendedahan harga kos Emas dan margin keuntungan kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah (bagi pihak Pelanggan Minor).
Purchase and Sale contract without the disclosure of the Gold cost price and profit margin to the Customer or Trustee (on behalf of the Minor Customer).

2.2 Wakalah
Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini melantik Bank sebagai Ejen bagi Pelanggan atau Pelanggan Minor untuk menguruskan dan mengendalikan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
The Customer or Trustee hereby appoints the Bank as an Agent of the Customer or Minor Customer to manage and operate BSN MGA-i or BSN JMGA-i in accordance with the Terms and Conditions herein.

3. Pembukaan Akaun/ Account Opening

3.1 Pembukaan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i hendaklah dibuat melalui borang yang ditetapkan oleh Bank dan tertakluk kepada keperluan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada had umur minimum, kuantiti Emas, Pembelian Awal minimum, rujukan dan dokumen sokongan dan keperluan lain yang mungkin ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
The opening of the BSN MGA-i or BSN JMGA-i is made through the Bank's prescribed form and subject to the Bank's requirements including but not limited to the minimum age requirement, quantities of Gold, minimum Initial Purchase, references and supporting documents and such other requirements which may be imposed by the Bank from time to time.

3.2 Pelanggan atau Pemegang Amanah bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menjalankan apa-apa carian (sekiranya perlu) dan/atau usaha wajar ke atas butiran yang dikemukakan oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah semasa pendaftaran pembukaan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i.
The Customer or Trustee agrees and consents to the Bank to perform any search (as the case maybe) and/or due diligence on the details provided by the Customer or Trustee during the opening of BSN MGA-i or BSN JMGA-i.

3.3 Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk meminta Pelanggan atau Pemegang Amanah mengemukakan sebarang dokumen sokongan bagi tujuan pembukaan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i, apabila perlu.
The Customer or Trustee hereby agrees that the Bank has the right to request the Customer or Trustee to submit any supporting document for the purpose of opening BSN MGA-i or BSN JMGA-i, whenever necessary.

3.4 Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan pembukaan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i sekiranya Pelanggan atau Pemegang Amanah gagal mengemukakan maklumat dan/atau dokumen yang sah dan tepat dan/atau tidak memenuhi mana-mana syarat dan/atau syarat tambahan yang dikenakan oleh Bank bagi pembukaan akaun.
The Bank reserves the right to reject any application to open the BSN MGA-i or BSN JMGA-i if the Customer or Trustee fails to submit valid and accurate information and/or documents and/or does not meet any requirement and/or additional requirements imposed by the Bank for the account opening.

3.5 Setelah mengisi dan menandatangani dokumen yang berkaitan, Pelanggan atau Pemegang Amanah bersetuju dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebit Akaun yang Ditetapkan untuk jumlah Emas sebagai Pembelian Awal. Resit pengesahan akan dikeluarkan kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah untuk rujukan.
Upon completion and signing of the relevant documents, the Customer or Trustee agrees and authorises the Bank to debit the Customer's Designated Account for the Gold amount as an Initial Purchase. Confirmation receipt shall be issued to the Customer or Trustee for reference.

3.6 Kelayakan:/ *Eligibility*:

a) Individu / *Individual*

Warganegara atau bukan warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun.
Malaysian and non-Malaysian citizen aged at least eighteen (18) years.

BSN MGA-i
BSN MGA-i boleh dibuka oleh individu tersebut sebagai:
The BSN MGA-i may be opened by the individuals as:
i) Akaun individu
Individual account;
atau/*or*
ii) Akaun bersama
Joint account.

BSN JMGA-i
BSN JMGA-i boleh dibuka oleh individu tersebut sebagai:
BSN JMGA-i may be opened by the individual as:
i) Pemegang Amanah bagi akaun amanah yang dibuka untuk faedah Pelanggan Minor.
Trustee for an in-trust account that is opened for the benefit of the Minor Customer.

b) Bukan Individu / *Non-Individual*

Entiti perniagaan atau perbadanan yang berdaftar di Malaysia iaitu Pemilikan Tunggal, Perkongsian, syarikat Sendirian Berhad atau Berhad, Persatuan dan Kelab.
Business Entities or corporations registered in Malaysia i.e. Sole Proprietor, Partnership, Private Limited or Limited company, Association and Society.

BSN MGA-i
BSN My Gold Account-i boleh dibuka oleh pelanggan bukan individu tersebut sebagai akaun korporat.
The BSN MGA-i may be opened by the non-individual customer as a corporate account.

4. Akaun Bersama / *Joint Account*

4.1 BSN MGA-i boleh dibuka sebagai akaun bersama yang terdiri daripada beberapa nama tidak melebihi dua (2) orang ("Pemegang Akaun Bersama") kesemuanya dalam satu masa ("Akaun Bersama"). Kedua-dua atau salah satu Pemegang Akaun Bersama boleh diberi kuasa sebagai penandatangan (seperti yang dinyatakan di sini atau pada borang permohonan / pesanan pembelian emas) yang berhak atau dibenarkan untuk membeli,

menjual, menebus dan/atau memindahkan Emas melalui BSN MGA-i ("Penandatangan/Pengguna yang Diberi Kuasa"). Pemegang Akaun Bersama faham bahawa semua tanggungjawab, kuasa, autoriti dan liabiliti yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini mengikat Pemegang Akaun Bersama, secara bersama dan berasingan.
BSN MGA-i may be opened as a joint account which consists of several names not exceeding two (2) persons ("Joint Account Holders") in total at one time ("Joint Account"). Both or any one of the Joint Account Holders may be authorised as the signatory(ies)/user(s) (as indicated in herein and in the application form / purchase of gold order) whom shall be entitled or permitted to purchase, sale, redeem and/or transfer Gold through the BSN MGA-i ("Authorised Signatory/User"). The Joint Account Holders understand that all obligations, powers, authorities and liabilities contained in these Terms and Conditions will be binding on the Joint Account Holders, jointly and severally.

4.2 Kuasa yang diberikan kepada Penandatangan/Pengguna yang Diberi Kuasa tersebut untuk mengendalikan Akaun Bersama hendaklah dianggap termasuk tanpa had bagi perkara yang berikut:

The authority conferred on the said Authorised Signatory/User operating the Joint Account shall include without limitation of the following:-

a) Beli, jual, tebus kepada emas fizikal atau pindah sebarang amaun (dalam gram);
Purchase, sell, redeem for physical gold or transfer of any amount (in grams);

b) Penggunaan dan penutupan Akaun Bersama;
Continuation and closure of the Joint Account;

c) Penggunaan apa-apa perkhidmatan elektronik dari semasa ke semasa yang disediakan oleh Bank menurut terma dan syarat berkaitan, pembayaran semua fi, kos atau perbelanjaan yang berkaitan dengannya daripada Akaun Bersama;
Use of any electronic services from time to time provided by the Bank upon such the terms and conditions, payment of all fees, costs or expenses in connection therewith from the Joint Account;

d) Menandatangan dan memenuhi keperluan sebarang indemniti bertulis yang diperlukan oleh Bank berhubung dengan pengendalian Akaun Bersama dan/atau apa-apa perkara di atas; dan
Execute and fulfil the requirement for any written indemnity required by the Bank in respect of the operation of the Joint Account and/or any of the foregoing; and

f) Secara umumnya kuasa untuk memohon, membatal, mengubah suai atau melakukan semua perkara yang berkaitan dengan mana-mana perkara yang disebut di atas.
Generally the authority to apply for, cancel, modify or otherwise do all things in relation to any of the foregoing matter.

4.3 Pemegang Akaun Bersama mengaku janji secara bersama dan berasingan untuk melindungi dan melepaskan Bank daripada sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain sekalipun dan pada bila-bila masa yang ditanggung, yang timbul daripada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Penandatangan/Pengguna yang Diberi Kuasa.
The Joint Account Holders shall jointly and severally undertake to indemnify and hold the Bank harmless against any losses, claims, demands, proceedings, costs, expenses and other liabilities whatsoever and whenever incurred arising from any instruction issued by the Authorised Signatory/User.

4.4 Notis yang diberikan oleh Bank kepada salah seorang daripada Pemegang Akaun Bersama hendaklah disifatkan sebagai telah diserahkan kepada kesemua Pemegang Akaun Bersama.
A notice served by the Bank to any one of the Joint Account Holders shall be deemed to have been served to all the Joint Account Holders.

4.5 Dalam semua keadaan Pemegang Akaun Bersama hendaklah secara bersama dan berasingan bertanggungjawab bagi segala transaksi daripada arahan yang diberikan oleh Penandatangan/Pengguna yang Diberi Kuasa berkenaan dengan Akaun Bersama. Pemegang Akaun Bersama beraku janji untuk memaklumkan kepada Bank berkenaan apa-apa salah aturan termasuk syak pemalsuan atau tindakan pemalsuan atau penipuan berhubung Akaun Bersama dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan kerugian yang disebabkan oleh tindakan Bank mengikut arahan tersebut.
In all events, Joint Account Holders shall be jointly and severally liable for all transactions arising from the instructions given by the Authorised Signatory/User in respect of the Joint Account. The Joint Account Holders undertake to notify the Bank of any irregularities including suspicion of forgery or act of forgery or fraud in respect of Joint Account and the Bank will not be responsible or liable for any loss, claims, demands, proceedings, costs, expenses and damage caused by the Bank relying on such instructions.

4.6 Sekiranya petisyen kebankrapan atau perintah kebankrapan diserahkan terhadap mana-mana satu atau kedua-dua Pemegang Akaun Bersama, Bank boleh mengikut budi bicaranya dan tertakluk kepada pematuhan (jika perlu) dengan undang-undang yang berkaitan yang berkuatkuasa pada masa itu, atau apa-apa perintah mahkamah, atas permintaan salah satu atau mana-mana Pemegang Akaun Bersama dengan syarat Pemegang Akaun Bersama tersebut adalah pihak yang tidak ingkar, membenarkan Pemegang Akaun Bersama untuk menarik diri daripada Akaun Bersama dan menutup akaun mengikut keperluan-keperluan Bank.
In the event of a petition for bankruptcy or an order of bankruptcy is served against any one or both Joint Account Holders, the Bank may at its discretion and subject to compliance (if required) with the relevant legislation prevailing at such time, or any court order, at the request of either or any of the Joint Account Holders provided that the Joint Account Holder(s) is the non-defaulting party, allow the Customer(s) to withdraw from the Joint Account and close the account in accordance with the Bank's requirements.

4.7 Apabila Bank menerima pemakluman kematian mengenai salah seorang Pemegang Akaun Bersama, Pemegang Akaun Bersama faham dan bersetuju bahawa baki kredit / Emas dalam Akaun Bersama tersebut akan dibayar kepada pemegang akaun yang masih hidup.
Upon Bank receiving notification of death of one of the Joint Account Holders, the Joint Account Holders understand and agree that the balance remaining in the credit or Gold of the Joint Account shall be paid to the survivor.

5. Akaun Amanah / *In-Trust Account*

5.1 Pembukaan dan penutupan BSN JMGA-i serta semua transaksi melibatkan BSN JMGA-i, termasuk penebusan Emas fizikal, hendaklah dilakukan oleh Pemegang Amanah bagi pihak Pelanggan Minor.
The opening and the closure of BSN JMGA-i as well as all transactions involving the BSN JMGA-i, including redemption of the physical Gold, shall be performed by the Trustee on behalf of the Minor Customer.

5.2 Pihak Bank berhak menutup BSN JMGA-i dan memindahkan bakinya ke Akaun Yang Ditetapkan apabila berlaku kematian Pemegang Amanah atau Pelanggan Minor. Walaubagaimanapun, bagi situasi kematian Pemegang Amanah, BSN JMGA-i tersebut boleh dikekalkan sekiranya pihak Bank menerima dan berpuas hati dengan dokumen

sokongan yang dikemukakan kepadanya bagi tujuan penggantian Pemegang Amanah sedia ada dengan Pemegang Amanah baru.
The Bank reserves the right to close the BSN JMGA-i and to transfer the balance of the same in the event of death of the Trustee or the Minor Customer. Nevertheless, for the situation involving the death of the Trustee, the BSN JMGA-i may be maintained if the Bank receives and is satisfied with the supporting documents furnished to it for the purpose of substituting the existing Trustee with a new Trustee.

5.3 Apabila Pelanggan Minor telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, BSN JMGA-i tidak akan bertukar secara automatik menjadi BSN MGA-i (berstatus akaun individu yang boleh dikendalikan oleh Pelanggan tanpa Pemegang Amanah). Pemegang Amanah dan Pelanggan Minor hendaklah hadir ke premis Bank bagi tujuan tersebut.
Upon the Minor Customer attaining the age of eighteen (18) years old, BSN JMGA-i will not be automatically converted into BSN MGA-i (with the status of individual account which can be managed by the Customer without the Trustee). The Trustee and the Minor Customer shall visit the Bank's premises for the said purpose.

5.4 Sekiranya berlaku Perkara Insolvensi melibatkan Pemegang Amanah, Bank berhak untuk membekukan BSN JMGA-i sehingga Pemegang Amanah dan Pelanggan Minor hadir ke premis Bank bagi tujuan penggantian Pemegang Amanah tersebut dengan Pemegang Amanah yang baru.
In the occurrence of Insolvency Matter involving the Trustee, the Bank reserves the right to freeze BSN JMGA-i until the Trustee and the Minor Customer visit the Bank's premises for the purpose of substituting the said Trustee with a new Trustee.

6. Akaun Bukan Individu / Non-Individual Account

6.1 BSN MGA-i juga boleh dibuka oleh entiti perniagaan yang berdaftar di Malaysia sebagai akaun korporat ("Akaun Korporat"). Pelanggan hendaklah bertangungjawab ke atas semua liabiliti dan peruntukan yang mentadbir Akaun Korporat.
BSN MGA-i may also be opened by a business entity registered in Malaysia as a corporate account ("Corporate Account"). The Customer shall be responsible for all the liabilities and provisions governing the Corporate Account.

6.2 Arahan, resolusi dan/atau mandat yang diberikan oleh Pelanggan untuk mengendalikan Akaun Korporat akan berkuat kuasa secara berterusan sehingga dibatalkan secara bertulis dan digantikan dengan arahan, resolusi dan/atau mandat baharu dan akan terpakai walau apa pun sebarang perubahan dalam pengarah atau keanggotaan, yang mana berkaitan, sama ada dengan kematian, kebankrapan dan/atau persaraan.
The instructions, resolutions and/or mandates given by the Customer for the operation of Corporate Account shall remain in force until revoked in writing and substituted with fresh instructions, resolutions and/or mandates, and shall apply notwithstanding any change in the directorship or membership, where applicable, whether by death, bankruptcy and/or retirement.

6.3 Pelanggan mengakujanji untuk melindungi dan melepaskan Bank daripada sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain sekalipun dan pada bila-bila masa yang ditanggung, yang timbul daripada apa-apa arahan, resolusi dan/atau mandat yang dikeluarkan berdasarkan Klausa 6.2.
The Customer undertakes to indemnify and hold the Bank harmless against any losses, claims, demands, proceedings, costs, expenses and other liabilities whatsoever and whenever incurred arising from any instruction, resolutions and/or mandates issued pursuant to Clause 6.2.

6.4 Dalam semua keadaan Pelanggan akan bertanggungjawab bagi segala transaksi daripada arahan berkenaan dengan Akaun Korporat. Pelanggan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank berkenaan apa-apa salah aturan termasuk syak pemalsuan atau tindakan pemalsuan atau penipuan berhubung Akaun Korporat dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan kerugian yang disebabkan oleh tindakan Bank mengikut arahan tersebut.

In all events, the Customer shall be liable for all transactions arising from such instructions in respect of the Corporate Account. The Customer undertakes to notify the Bank of any irregularities including suspicion of forgery or act of forgery/fraud in respect of Corporate Account and the Bank will not be responsible or liable for any loss, claims, demands, proceedings, costs, expenses and damage caused by relying on the instructions.

6.5 Sekiranya hanya salah seorang daripada rakan kongsi atau ahli lembaga pengarah atau pemegang syer atau ahli persatuan atau kelab Pelanggan dibenarkan menjadi Penandatangan Yang Diberi Kuasa untuk mengendalikan Akaun Korporat, kuasa yang diberikan kepada Penandatangan Yang Diberi Kuasa hendaklah dianggap termasuk tanpa had bagi perkara yang berikut:

In the event that only one of the Customer's partners or board of director or shareholders or members of the society or club is authorised as the Authorised Signatory to operate the Corporate Account, the authority conferred to the Authorised Signatory operating the Corporate Account shall include without limitation of the following:

a) Beli, jual, tebus kepada Emas fizikal atau pindah sebarang amaun (dalam gram);
Purchase, sell, redeem for physical Gold or transfer of any amount (in grams);

b) Penggunaan dan penutupan Akaun Korporat;
Continuation and closure of the Corporate Account;

c) Menandatangani dan memenuhi keperluan sebarang indemniti bertulis yang dikehendaki oleh Bank berhubung dengan pengendalian Akaun Korporat dan/atau apa-apa perkara di atas; dan
Execute and fulfil the requirement for any written indemnity required by the Bank in respect of operation of the Corporate Account and/or any of the foregoing; and

f) Secara umumnya kuasa untuk memohon, membatal, mengubah suai atau melakukan semua perkara yang berkaitan dengan mana-mana perkara yang disebut di atas.
Generally, the authority to apply for, cancel, modify or otherwise do all things in relation to any of the foregoing matters.

7. Pengakuan / *Declaration*

7.1 Pelanggan atau Pemegang Amanah mengisytiharkan dan berjanji kepada Bank bahawa:
The Customer or the Trustee declares and undertakes to the Bank that:

a) Pelanggan, Pemegang Amanah dan/atau Penandatangan Yang Diberi Kuasa bukan seorang muflis yang belum dibebaskan atau digulungkan dan tidak ada Perkara Insolvensi yang dikenakan terhadap Pelanggan, Pemegang Amanah dan/atau Penandatangan Yang Diberi Kuasa berdasarkan undang-undang Malaysia atau bidang kuasa lain;
the Customer, Trustee and/or the Authorised Signatory is not an undischarged bankrupt or wound-up and that no Insolvency Matter have been instituted against the Customer, Trustee and/or the Authorised Signatory under the laws of Malaysia or any other jurisdiction.

b) maklumat yang diberikan oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah kepada Bank adalah benar, tepat dan terkini dan Pelanggan atau Pemegang Amanah membenarkan Bank untuk mengesahkan perkara yang sama dengan mana-mana pihak dan menggunakan sumber apa pun yang difikirkan sesuai oleh Bank; dan

the information provided by the Customer or Trustee to the Bank is true, accurate and current and the Customer or the Trustee authorises the Bank to verify the same with any party and using any source as the Bank deems appropriate; and

c) Pelanggan atau Pemegang Amanah bersetuju dengan pendedahan maklumat oleh Bank di bawah Klausa 25 (Pendedahan Maklumat Pelanggan dan Data Peribadi).
The Customer or the Trustee consents to the disclosure of information by the Bank under Clause 25 (Disclosure of Customer Information and Personal Data).

8. Pembelian Emas / *Purchase of Gold*

8.1 Tertakluk kepada aplikasi Syariah Bai' Musawamah, Pelanggan atau Pemegang Amanah boleh membeli Emas daripada Bank dan Bank boleh menjual Emas kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah, dari semasa ke semasa, mengikut Terma dan Syarat ini. Pembelian Emas adalah berdasarkan Harga Jualan Bank (yang ditentukan oleh Bank berdasarkan harga langsung Emas) dan cara pembayaran adalah melalui pendebitan terus daripada Akaun Yang Ditetapkan. Bank boleh, atas budibicaranya, menawarkan Harga Jualan Bank yang lebih rendah bagi pembelian emas melebihi jumlah tertentu.
Subject to the Shariah application of Bai' Musawamah, the Customer or Trustee may purchase the Gold from the Bank, and the Bank may sell the Gold to the Customer, from time to time, in accordance with these Terms and Conditions. The purchase of the Gold shall be based on the Bank's Sale Price (which will be determined by the Bank pursuant to the live pricing of the Gold) and the mode of payment shall be via direct debit from the Designated Account. The Bank may, at its discretion, offer a lower Bank's Sale Price for gold purchases of a certain amount.

8.2 Setelah pembelian Emas berjaya dilakukan, Bank akan merekodkan maklumat berikut di dalam BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor:
Upon successful purchase of the Gold, the Bank will record the following information in the Customer's BSN MGA-i or Minor Customer's JMGA-i:

a) kuantiti Emas yang dibeli dalam gram;
the quantity of Gold purchased in gram;
b) harga Emas yang dibeli dalam Ringgit Malaysia;
the price of Gold purchased in Malaysia Ringgit;
c) harga Emas per gram dalam Ringgit Malaysia; dan
the price of Gold per gram in Malaysia Ringgit; and
d) baki Emas (dalam gram) pada masa pembelian
the balance of Gold (in gram) at the time of purchase.

8.3 Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini bersetuju melantik Bank sebagai Ejen Pelanggan atau Pelanggan Minor dan Bank bersetuju menerima pelantikan itu untuk menetapkan dan menyerahkan semula nombor siri Bar Emas Fizikal atau Bar Emas Fizikal Khas bagi pihak Pelanggan atau Pelanggan Minor.
The Customer or Trustee hereby agrees to appoint the Bank as an Agent to the Customer or Minor Customer and the Bank agrees to accept the appointment to assign and re-assign the Physical Cast Gold Bar or Physical Minted Gold Bar serial number on behalf of the Customer or Minor Customer.

8.4 Terma berhubung Pembelian awal dan seterusnya adalah seperti jadual di bawah:
The terms on the Initial Purchase and subsequent purchase(s) are as tabulated below:

JENIS PELANGGAN / *TYPE OF CUSTOMER*	**PEMBELIAN AWAL/ *INITIAL PURCHASE***	**PEMBELIAN SETERUSNYA / *SUBSEQUENT PURCHASE***
Individu (Warganegara Malaysia, Residen & Bukan Residen / *Individual (Malaysian, Resident & Non-Resident)*	Minimum RM10 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan Harga Jualan Bank / *Minimum of RM10 or its equivalent in gram based on the Bank's Sale Price*	Minimum RM10 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan Harga Jualan Bank / *Bank Minimum of RM10 or its equivalent in gram based on the Bank's Sale Price*
Bukan Individu / *Non-Individual*	Minimum RM500 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan Harga Jualan Bank / *Minimum of RM500 or its equivalent in gram based on the Bank's Sale Price*	Minimum RM10 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan Harga Jualan Bank / *Minimum of RM10 or its equivalent in gram based on the Bank's Sale Price*

9. Harga Belian / *Purchase Price*

9.1 Harga Emas per gram untuk setiap pembelian oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah akan menjadi Harga Jualan seperti yang disebutkan atau dinyatakan oleh Bank berdasarkan harga Emas semasa pada masa pembelian dilakukan; sama ada pembelian dibuat melalui cawangan Bank atau *aplikasi myBSN mobile atau melalui penasihat kewangan BSN atau mana-mana platform yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa. Harga Jualan yang disebut atau dinyatakan akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya dengan mengambil kira semua faktor yang dianggap relevan.
*The Gold price per gram for each purchase by the Customer or Trustee will be the Sale Price as quoted or indicated by the Bank based on the prevailing Gold price at the time of the placement of the purchase; whether the purchase was made at the Bank's branches or via *myBSN mobile application or via BSN's wealth advisor or any other platform provided by Bank from time to time. The Sale Price quoted or indicated will be determined by the Bank at its discretion by taking into account all factors it deems relevant.*

*Nota/Note:
Terpakai untuk BSN MGA-i tertakluk kepada pelanggan telah membuka akaun BSN MGA-i dan membuat pembelian emas pertama di mana-mana cawangan BSN.
Applicable for BSN MGA-i subject to the customer must first open a BSN MGA-i and make the initial gold purchase at any BSN branch.

9.2 Pelanggan atau Pemegang Amanah mengakui bahawa harga belian harian (Harga Jualan dari perspektif Bank) Emas pada Hari Niaga akan disiarkan di Laman Web BSN.
The Customer or Trustee acknowledges that the indicative daily purchase price (Sale Price from the Bank's perspective) of Gold on the Business Day will be displayed on the BSN's Website. http://www.mybsn.com.my/

10. Penyimpanan Bar Emas Fizikal */ Safekeeping of the Physical Gold*

10.1 Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini bersetuju melantik Bank sebagai Ejen bagi Pelanggan atau Pelanggan Minor dan Bank bersetuju menerima pelantikan ini dengan bayaran Yuran Pengurusan untuk mengenal pasti, mengatur dan menyimpan Emas yang dibeli dari Bank.
The Customer hereby agrees to appoint the Bank as an Agent to the Customer or Minor Customer and the Bank agrees to accept the appointment with Management Fee to identify, arrange and safe keep the Gold purchased from the Bank.

10.2 Bagi pelantikan Bank sebagai Ejen untuk menyimpan Emas, Bank akan mengenakan Yuran Pengurusan sebanyak RM0.10/gram berdasarkan baki Emas dalam BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor pada hari pertama setiap bulan TERTAKLUK KEPADA bayaran pertama hanya akan menjadi perlu dibayar kepada BSN setelah lengkap satu (1) bulan tempoh penyimpanan daripada tarikh pembelian Emas. Yuran Pengurusan tersebut akan didebitkan dari Akaun Yang Ditetapkan pada setiap bulan.
For the Bank's appointment as an Agent to safe keep the Gold, the Bank will impose a Management Fee of RM0.10/ gram based on the Gold balance in the Customer's BSN MGA-i or Minor Customer's BSN JMGA-i on the first day of the every month SUBJECT ALWAYS that the first payment of such fee shall only become payable to BSN upon the completion of one (1) month of safekeeping period from the Gold purchase date. Such Management Fee will be debited from the Designated Account on a monthly basis.

10.3 Pelanggan hendaklah sentiasa memastikan bahawa terdapat jumlah yang mencukupi dalam Akaun Yang Ditetapkan untuk Bank mendebitkan Yuran Pengurusan pada setiap bulan atau pada bila-bila masa yang difikirkan patut oleh Bank.
The Customer shall always ensure that there is sufficient amount in the Designated Account for the Bank to debit the Management Fee every month or at any time the Bank deems fit.

10.4 Sekiranya Yuran Pengurusan Pelanggan atau Pelanggan Minor tertunggak selama tiga (3) bulan berturut-turut, Bank akan mengeluarkan peringatan terakhir melalui SMS ke nombor telefon bimbit dan/atau surat ke alamat surat menyurat dan/atau e-mel ke alamat e-mel yang didaftarkan dengan Bank. Pelanggan atau Pemegang Amanah dikehendaki memasukkan amaun yang harus dibayar ke dalam Akaun Yang Ditetapkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh peringatan akhir, di mana sekiranya gagal Bank mempunyai hak untuk melakukan tindakan berikut untuk mendapatkan semula jumlah yang tertunggak:
In the event the Customer's or the Minor Customer's Management Fee is due for three (3) consecutive months, the Bank will issue a final reminder via SMS to the mobile number and/or letter to the mailing address and/or e-mail to the e-mail address registered with the Bank. The Customer or Trustee is required to deposit the amount due in the Designated Account within seven (7) days from date of the final reminder, failing which the Bank has a right to perform the following exercise to recover the amount due:

a) untuk melaksanakan hak Bank untuk menolak jumlah yang tertunggak dari mana-mana akaun perbankan yang didaftarkan atas nama Pelanggan atau Pelanggan Minor dengan Bank;
to exercise the Bank's right to set-off the amount due from any available amount in any banking account registered under name of the Customer or Minor Customer with the Bank;

dan/atau / *and/or*

b) Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini bersetuju melantik Bank sebagai Ejen dan Bank bersetuju menerima pelantikan sebagai Ejen untuk menjual baki Emas dalam BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor (Bank akan membeli baki emas di dalam BSN MGA-i atau BSN JMGA-i berdasarkan Harga Belian semasa Bank). Hasil dari lebihan jualan emas, selepas penolakan jumlah yang terhutang kepada pihak Bank, akan dikreditkan ke dalam Akaun Yang Ditetapkan;
the Customer or Trustee hereby agrees to appoint the Bank as an Agent and the Bank agrees to accept the appointment as the Agent to sell the available gold balance in the Customer's BSN MGA-i or the Minor Customer's BSN JMGA-i (the Bank will buy the available Gold balance in BSN MGA-i or BSN JMGA-i based on the Bank prevailing Purchase Price). The remainder of the sales proceeds, after the deduction of the amount due to the Bank, will be credited into the Customer's Designated Account;

dan/atau / *and/or*

c) mengambil tindakan undang-undang ke atas Pelanggan atau Pemegang Amanah (mewakili Pelanggan Minor) di mana segala kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah.
Take legal action against the Customer or Trustee (representing the Minor Customer) whereby all costs related thereto shall be borne by the Customer or Trustee.

11. Pemindahan Emas / *Transfer of Gold*

11.1 Pelanggan atau Pemegang Amanah dibenarkan untuk memindahkan baki Emas yang ada dalam gram daripada BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor kepada akaun BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor yang lain dan/atau BSN MGA-i atau BSN JMGA-i pihak ketiga. Pelanggan juga mengakui dan bersetuju bahawa mana-mana pemindahan Emas yang dilakukan menurut klausa ini tidak akan bercanggah dengan prinsip Syariah.
The Customer or Trustee is allowed to transfer the available Gold balance in grams from the Customer's BSN MGA-i or the Minor Customer's BSN JMGA-i to another BSN MGA-i of the Customer or BSN JMGA-i of the Minor Customer and/or any third party's BSN MGA-i or BSN JMGA-i within the Bank. The Customer or Trustee also acknowledges and agrees that any transfer of Gold made pursuant to this Clause will be done in a manner not contrary to the Shariah principles.

11.2 Setelah transaksi pemindahan Emas disempurnakan seperti diarahkan oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah, Bank akan mengemas kini BSN MGA-i atau BSN JMGA-i sewajarnya.
Upon the completion of the Gold transfer transaction as instructed by the Customer or Trustee, the Bank will update the Customer's BSN MGA-i or BSN JMGA-i accordingly.

12. Penjualan Emas / *Sale of Gold*

12.1 Tertakluk kepada aplikasi Syariah Bai' Musawamah, Pelanggan atau Pemegang Amanah boleh dari semasa ke semasa menjual Emas yang terdapat dalam BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor kepada Bank dan Bank boleh membeli Emas tersebut daripada Pelanggan atau Pelanggan Minor. Penjualan Emas adalah berdasarkan Harga Belian yang ditetapkan Bank dan bayaran hendaklah dikreditkan ke dalam Akaun Yang Ditetapkan selepas ditolak sebarang yuran (jika ada).

Subject to the Shariah application of Bai' Musawamah, the Customer or Trustee may from time to time sell the Gold available in the Customer's BSN MGA-i or the Minor Customer's BSN JMGA-i to the Bank and the Bank may purchase the said Gold from the Customer or Minor Customer. The sale of Gold shall be based on the Bank's Purchase Price and payment shall be credited into the Designated Account after the deduction of any fees (if any).

12.2 Setelah transaksi penjualan Emas disempurnakan seperti diarahkan oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah, Bank akan mengemas kini maklumat berikut di dalam BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor sewajarnya:
Upon the completion of the sale of Gold transaction as instructed by the Customer or Trustee, the Bank will update the following information in the Customer's BSN MGA-i or the Minor Customer's BSN JMGA-i accordingly:

a) kuantiti Emas yang dijual dalam gram;
the quantity of Gold sold in gram;
b) harga Emas yang dijual dalam Ringgit Malaysia;
the price of Gold sold in Malaysia Ringgit;
c) harga Emas yang dijual setiap gram dalam Ringgit Malaysia; dan
the price of Gold sold per gram in Malaysia Ringgit; and
d) baki emas (dalam gram), jika ada, di dalam BSN MGA-i atau BSN JMGA-i.
the balance of Gold (in gram), if any, in the BSN MGA-i or BSN JMGA-i.

12.3 Pelanggan atau Pemegang Amanah hendaklah memastikan bahawa sebarang arahan penjualan terhad kepada kuantiti Emas sebenar di dalam BSN MGA-i atau BSN JMGA-i. Sekiranya baki Emas tidak mencukupi dalam akaun, Bank berhak untuk menolak untuk melaksanakan arahan penjualan tersebut.
The Customer or Trustee shall ensure that any sale instruction will be limited to the actual quantity of Gold in BSN MGA-i or BSN JMGA-i. In the event there is insufficient Gold in the account, the Bank reserves the right to reject the sale instruction.

12.4 Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini bersetuju melantik Bank sebagai Ejen dan Bank bersetuju menerima pelantikan itu untuk menetapkan dan menyerahkan semula nombor siri pemilikan Bar Emas Fizikal bagi pihak Pelanggan atau Pelanggan Minor.
The Customer or Trustee hereby agrees to appoint the Bank as an Agent and the Bank agrees to accept the appointment to assign and re-assign the Physical Cast Gold Bar ownership serial number on behalf of the Customer or Minor Customer.

13. Harga Jualan / Sale Price

13.1 Harga Jualan setiap gram bagi setiap penjualan Emas adalah pada Harga Belian seperti yang disebut atau dinyatakan oleh Bank pada masa transaksi tersebut; sama ada jualan dibuat di cawangan BSN atau melalui Perbankan Internet BSN atau melalui penasihat kewangan BSN atau mana-mana platform yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa. Harga Belian yang disebut atau dinyatakan akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya dengan mengambil kira semua faktor yang dianggap relevan.
The Sale Price per gram for each sale of Gold will be at the Purchase Price as quoted or indicated by the Bank at the time of such transaction; whether the sale was made at BSN's branches or via BSN Internet Banking or via BSN's wealth advisor or any other platform provided by Bank from time to time. The Purchase Price quoted or indicated will be determined by the Bank at its discretion by taking into account all factors it deems relevant.

13.2 Pelanggan atau Pemegang Amanah mengakui bahawa harga jualan harian (Harga Belian dari perspektif Bank) Emas pada Hari Niaga akan disiarkan semasa di Laman Web BSN.
The Customer or Trustee acknowledges that the indicative daily sale price (Purchase Price from the Bank's perspective) of Gold during the Business Day shall be displayed at BSN's Website.

14. Penebusan kepada denominasi Emas Fizikal / *Redemption to denominations of Physical Gold*

14.1 Bank menyediakan pilihan kepada Pelanggan untuk menebus Bar Emas Fizikal Khas dan/atau Bar Emas Fizikal tertakluk kepada Terma dan Syarat di sini.
The Bank provides an option for the Customer to redeem the Physical Minted Gold Bar and/or Physical Cast Gold Bar subject to the Terms and Conditions herein.

14.2 Denominasi yang ada untuk penebusan Emas ialah 1 gram, 5 grams, 10 grams, 50 grams, 100 grams dan 1000 grams dan/atau apa-apa denominasi yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
The available denominations for redemption of Gold are 1 gram, 5 grams, 10 grams, 50 grams, 100 grams and 1000 grams and/or any denominations that may be determined by the Bank from time to time.

14.3 Semua permintaan penebusan Emas fizikal akan diuruskan dan dihantar oleh Pembekal Emas melalui Perkhidmatan Kurier atau penghantaran khas ke alamat Pelanggan atau Pelanggan Minor yang didaftar di Bank. Oleh itu, Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini memahami dan bersetuju untuk pihak Bank mendedahkan maklumat yang relevan kepada Pembekal Emas iaitu nama penerima, alamat surat menyurat dan nombor yang boleh dihubungi.
All requests for redemption of physical Gold will be arranged and couriered by the Gold Supplier through the Courier Services or special delivery service to the address of the Customer or Minor Customer that is registered with the Bank. Thus, the Customer or Trustee hereby understands and consents to the disclosure of all relevant information that are name of beneficiaries, mailing address and contact number by the Bank to the Gold Supplier.

14.4 Pelanggan atau Pemegang Amanah bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit yuran dan caj yang terpakai yang ditanggung mengikut Klausa 16 untuk penebusan Emas daripada Akaun Yang Ditetapkan.
The Customer or Trustee agrees and gives consent to the Bank to debit the applicable fees and charges incurred as per Clause 16 for Gold redemption from the Designated Account.

14.5 Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini bersetuju melantik Bank sebagai Ejen dan Bank bersetuju menerima pelantikan itu untuk menetapkan dan menyerahkan semula nombor siri pemilikan Bar Emas Fizikal bagi pihak Pelanggan atau Pelanggan Minor.
The Customer or Trustee hereby agrees to appoint the Bank as an Agent and the Bank agrees to accept the appointment to assign and re-assign the Physical Cast Gold Bar ownership serial number on behalf of the Customer or Minor Customer.

15. Closure of Account / *Penutupan Akaun*

15.1 Sekiranya Pelanggan atau Pemegang Amanah ingin menutup BSN MGA-i atau BSN JMGA-i, Pelanggan atau Pemegang Amanah boleh melakukannya dengan menjual semua baki Emas kepada Bank pada Harga Belian semasa yang akan ditentukan oleh

Bank pada masa penjualan tersebut dan semua hasil penjualan akan dibayar dalam Ringgit Malaysia dengan kredit terus ke dalam Akaun Yang Ditetapkan.
If the Customer or Trustee wishes to close the BSN MGA-i or BSN JMGA-i, the Customer or Trustee may do so by selling all the Gold to the Bank at the Purchase Price as shall be quoted by the Bank at the time of such sale and all proceeds of sale therefrom shall be paid to the Customer in Malaysia Ringgit by crediting into the Designated Account.

15.2 Pelanggan atau Pemegang Amanah juga boleh menutup BSN MGA-i atau BSN JMGA-i dengan memindahkan semua baki Emas kepada BSN MGA-i atau BSN JMGA-i lain yang didaftarkan di bawah nama Pelanggan atau Pelanggan Minor atau pihak ketiga.
The Customer or Trustee may also close BSN MGA-i or BSN JMGA-i by transferring all the Gold to another account of BSN MGA-i or BSN JMGA-i which is registered under the name of the Customer or Minor Customer or a third party.

15.3 BSN MGA-i atau BSN JMGA-i hanya boleh ditutup apabila diminta oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan menghadirkan diri di cawangan Bank. MyKad atau passport yang sah hendaklah ditunjukkan bagi penutupan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i. Pelanggan atau Pemegang Amanah harus mematuhi semua syarat Bank untuk penutupan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i yang dinyatakan di sini dan/atau yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
BSN MGA-i or BSN JMGA-i can only be closed upon request by the Customer or Trustee by being present at the Bank's branches. MyKad or valid passport must be presented for the closure of the BSN MGA-i or BSN JMGA-i. The Customer or Trustee shall comply with all the Bank's prevailing requirements for the closure of the BSN MGA-i or BSN JMGA-i stated herein and/or which may be prescribed by the Bank from time to time.

15.4 Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk:
The Customer or Trustee hereby agrees that the Bank has the right to:

a) Menutup mana-mana BSN MGA-i atau BSN JMGA-i jika nama Pelanggan atau Pelanggan Minor terdapat dalam senarai hitam yang dikeluarkan oleh BNM dan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan;
Close any BSN MGA-i or BSN JMGA-i if the name of the Customer or Minor Customer appears in the blacklist issued by BNM or any relevant authorities;

b) Menutup mana-mana BSN MGA-i atau BSN JMGA-i walau atas apa-apa sebab sekalipun dengan memberikan Notis yang memadai mengenai tujuan tersebut sebelum penutupan tersebut;
Close any BSN MGA-i or BSN JMGA-i for any reason by giving Adequate notice of such intention prior to such closure;

c) Bank berhak menutup BSN MGA-i atau BSN JMGA-i sekiranya tiada baki Emas di dalam BSN MGA-i atau BSN JMGA-i selama lima (5) tahun berturut-turut tanpa perlu memberikan alasan dan/atau notis kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah atau Pelanggan Minor.
Close any BSN MGA-i or BSN JMGA-i if there is no Gold balance in BSN MGA-i or BSN JMGA-i for a consecutive period of five (5) years without the necessity to assign any reason and/or notice to Customer or Trustee or Minor Customer.

15.5 Selepas penutupan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i oleh Bank, hasil penjualan (jika ada) akan dikreditkan ke dalam Akaun Yang Ditetapkan. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, jika ada dalam penjualan Emas atau apa-apa kerugian atau susut nilai Emas bagi apa-apa sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada turun naik harga Emas. Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan nyata dan tanpa boleh batal bersetuju bahawa pertimbangan, keputusan dan budi bicara Bank berkenaan dengan masa, harga

dan terma Jualan Emas adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan tidak akan dipersoalkan pada mana-mana akaun.
Upon closure of BSN MGA-i or BSN JMGA-i by the Bank, the proceeds of the sale (if any) will be credited into the Designated Account. The Bank will not be responsible for any loss, if any, in the sale of the Gold or for any loss or depreciation in value of the Gold for any reasons including but not limited to the fluctuation of Gold price. The Customer or Trustee expressly and irrevocably agrees that the judgment, decision and discretion of the Bank in respect of the timing, price and terms of sale of the Gold will be final, binding and conclusive and will not be questioned on any account.

16. Fi dan Caj / *Fees and Charges*

16.1 Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengenakan dan/atau mengubah fi dan caj yang terpakai ke atas BSN MGA-i atau BSN JMGA-i dari semasa ke semasa kepada Pelanggan atau Pelanggan Minor dan fi dan caj tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank untuk diterima pakai. Walau bagaimanapun, apa-apa perubahan terhadap fi dan caj akan dimaklumkan kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan memberikan Notis yang memadai sebelum tarikh kuatkuasa pelaksanaannya. Pemakluman akan diberikan kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah secara bertulis atau elektronik atau melalui paparan di cawangan Bank dan Laman Web BSN.
The Customer or Trustee hereby agrees that the Bank has the right to impose and/or vary such fees and charges that are applicable to the BSN MGA-i or BSN JMGA-i from time to time to the Customer or Minor Customer and it shall become effective on such date as the Bank may elect to adopt. However, any change in fees and charges must be notified by giving Adequate notice to the Customer or Trustee prior to the effective date of implementation. Such notification shall be communicated to the Customer or Trustee in writing or electronically or via advertisement displayed at the Bank's branches and on BSN's Website.

16.2 Fi dan caj dinyatakan dalam Jadual Fi dan Caj Bank yang boleh diakses melalui Laman Web Bank atau 'Community Wall' di cawangan Bank dan Pelanggan atau Pemegang Amanah bersetuju untuk terikat dengan Jadual Fi dan Caj Bank, yang membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.
The fees and charges are stipulated in the Bank's Fees and Charges Schedule which can be accessed from the Bank's Website or the Bank's branch community wall and the Customer or Trustee agrees to be bound by the Bank's Fees and Charges Schedule, which forms part of these Terms and Conditions.

16.3 Butiran Yuran Pengurusan bagi penyimpanan Emas fizikal dinyatakan di bawah Klausa 10 di atas.
Details of the Management Fee payable for the safekeeping of physical Gold are specified in Clause 10 above.

16.4 Untuk tujuan di atas, Pelanggan atau Pemegang Amanah hendaklah memastikan dana yang mencukupi di dalam Akaun Yang Ditetapkan pada setiap masa untuk Bank melakukan pendebitan dan membuat pembayaran caj tersebut.
For the above purpose, the Customer or Trustee must ensure that there are sufficient funds in the Designated Account at all times for the Bank to debit and make payment of such charges.

16.5 Bank diberi kuasa dan berhak untuk mendebitkan caj bagi penebusan Emas fizikal daripada Akaun Yang Ditetapkan atau jumlah lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa seperti berikut:

The Bank is authorised and reserves the right to debit the Designated Account for the redemption to physical Gold charges or such other amount as the Bank may determine from time to time as follows:

Denominasi emas / *Gold Denomination*	Jumlah Caj Penebusan Emas Fizikal *Total Redemption to Physical Gold Charges*
1 gram	RM72.00
5 grams	RM162.00
10 grams	RM204.00
50 grams	RM685.00
100 grams	RM1,095.00
1,000 grams	RM1,650.00

*** Caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan/atau Perkhidmatan sebanyak 8% / *The charges are subject to 8% Sales Tax and/or Service Tax (SST)**

Caj penebusan Emas fizikal di atas dikenakan oleh Pembekal Emas.
The redemption to physical Gold charges above is imposed by the Gold Supplier.

16.6 Bank diberi kuasa dan berhak mendebitkan Akaun Yang Ditetapkan untuk caj perkhidmatan kurier dan/atau caj penghantaran khas seperti berikut:
The Bank is authorized and reserves the right to debit the Designated Account for the courier service charges and/or special delivery charge as follows:

Jenis Caj / Type of Charge	Kos/*Cost**	Butiran / *Details*
Caj Perkhidmatan Kurier / *Courier Service Charges*	RM30.00	Had Pembungkusan / *Packing Limit:* Minimum 1 gram - Maksimum 100 gram DAN Minimum sekeping – Maksimum 30 keping setiap bungkusan. / *Minimum 1 gram – Maximum 100 grams AND* *Minimum 1pc – Maximum 30 pcs per parcel*.
Caj penghantaran khas / *Special delivery charges*	RM2,000.00	Caj penghantaran khas akan dikenakan bagi penebusan fizikal emas seberat 1,000g (1kg) dan ke atas. / S*pecial delivery charges will be imposed for the physical redemption of 1,000g (1kg) and above of gold bar.*

***Kos adalah bagi penghantaran ke seluruh Malaysia (Seluruh Negara) tertakluk kepada 8% Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan / The costs are for delivery throughout Malaysia (Nationwide) subject to 8% Sales Tax and/or Service Tax (SST)**

16.7 Caj Perkhidmatan Kurier dan/atau Caj penghantaran khas dikenakan oleh Pembekal Emas.
The Courier Service charges and/or special delivery charges are imposed by the Gold Supplier.

16.8 Pembekal Emas akan melantik syarikat penghantaran yang berdaftar untuk menghantar Bar Emas Fizikal atau Bar Emas Fizikal Khas kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah antara tiga (3) hingga tujuh (7) Hari Niaga. Sekiranya penghantaran kali pertama adalah

tidak berjaya, Pelanggan atau Pemegang Amanah akan dikenakan caj bagi penghantaran semula bungkusan (percubaan penghantaran kali ke-dua dan seterusnya) pada kadar yang sama seperti yang dinyatakan di atas.
The Gold Supplier will appoint a registered courier company to deliver the Physical Gold Bar or Physical Minted Gold Bar to the Customer or Trustee between three (3) to seven (7) business days. If the first delivery attempt is unsuccessful, the Customer or Trustee will be charged for re-delivery of unsuccessful parcel (2nd delivery attempt onwards) at the same rate as specified above.

17. Liabiliti / *Liability*

17.1 Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk atau menanggung liabiliti terhadap Pelanggan atau Pemegang Amanah atau Pelanggan Minor bagi apa-apa kerugian yang disebabkan oleh operasi BSN MGA-i atau BSN JMGA-i yang dibuka oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan Bank (termasuk apa-apa kerugian berpunca daripada pelaburan yang dibuat oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah, jika berkenaan) melainkan kerugian tersebut adalah secara langsung disebabkan oleh kecuaian pihak Bank secara sengaja.
The Customer or the Trustee hereby agrees that Bank shall not be held responsible for or liable to the Customer or the Trustee or the Minor Customer for any loss incurred by the operation of BSN MGA-i or BSN JMGA-i opened by the Customer or the Trustee with the Bank (including any loss arising from the investment made by the Customer or the Trustee, if relevant) unless such loss is directly attributed to the willful negligence of the Bank.

17.2 Pelanggan atau Pemegang Amanah bersetuju bertanggungjawab dan menanggung rugi Bank secara penuh ke atas kesemua penalti, kerugian, tuntutan, kehilangan, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainnya termasuk kos atas dasar peguam cara dengan pelanggan) yang ditanggung oleh Bank akibat:
The Customer or the Trustee agrees to be liable for and shall fully indemnify the Bank and hold the Bank harmless against all penalties, damages, claims, losses, costs and expenses (legal or otherwise including costs on a solicitor and client basis) which the Bank may incur as a result of:

a) Pelanggaran Terma dan Syarat ini oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah;
Breach of these Terms and Conditions by the Customer or the Trustee;

b) Perbuatan penipuan oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah;
Fraudulent acts by the Customer or the Trustee;

c) Pendedahan Butiran Keselamatan oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah kepada orang lain termasuk tetapi tidak terhad kepada pendedahan melalui apa-apa emel atau di laman web pihak ketiga;
Disclosure of Security Details by the Customer or the Trustee to any other person including but not limited to the disclosure through any email or on a third party website;

d) Kegagalan Pelanggan atau Pemegang Amanah untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan Butiran Keselamatan dirahsiakan dan/atau selamat pada setiap masa;
Failure of the Customer or the Trustee to take reasonable steps to keep the Security Details private and/or secure at all times;

e) Kegagalan Pelanggan atau Pemegang Amanah untuk melaporkan pelanggaran, pendedahan atau kebocoran maklumat berkenaan Butiran Keselamatan secepat mungkin apabila menyedari pelanggaran, pendedahan atau kebocoran maklumat tersebut;
Failure of the Customer or the Trustee to report a breach, disclosure or data leakage of the Security Details as soon as reasonably practicable upon being aware of the breach or disclosure or data leakage respectively;

f) Bank bertindak atas mandat yang sah yang diminta/diarahkan oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah;
The Bank discharging a valid mandate requested by the Customer or the Trustee;

g) Bank menguatkuasakan mana-mana haknya terhadap Pelanggan atau Pemegang Amanah;
The Bank enforcing any of its rights against the Customer or the Trustee;

h) Bank mematuhi mana-mana keperluan kawal selia; dan/atau
The Bank complying with any regulatory requirements; and/or

i) Bank mematuhi apa-apa penghakiman mahkamah atau apa-apa perintah mahkamah, sama ada mempunyai kuatkuasa undang-undang atau tidak, yang dikeluarkan oleh mana-mana badan, tribunal, entiti atau pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah, yang timbul daripada apa-apa tindakan atau prosiding (secara sah di sisi undang-undang atau sebaliknya) dan yang terpakai untuk atau ditujukan kepada atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan Pelanggan atau Pemegang Amanah, dan/atau akaun Pelanggan atau Pelanggan Minor di Bank.
The Bank complying with any court judgment or any court order, whether or not having the force of law issued by any legally constituted tribunal, body, entity or authority, arising from any actions or proceedings (legally or otherwise) and which are applicable to or directed to or in any way related to the Customer or the Trustee, and/or Customer's or Minor Customer's account(s) which is/are maintained with the Bank.

17.3 Tanggung rugi yang diperuntukkan di atas tidak terpakai kepada transaksi perbankan elektronik yang dibenarkan untuk dilakukan oleh Bank setakat mana kerugian, kos atau perbelanjaan yang ditanggung, timbul daripada:
The indemnities provided above shall not be applicable in relation to the electronic banking transactions allowed to be carried out by the Bank to the extent that the losses, costs or expenses incurred, arising from:

a) Kerosakan teknikal atau kekurangan yang terbukti dalam sistem dan kelengkapan di bawah kawalan penuh Bank;
A technical breakdown or proven deficiency in the systems and equipment under the full control of the Bank;

b) Kelemahan atau pendedahan yang terbukti dalam ciri-ciri keselamatan dan kawalan yang diguna pakai oleh Bank;
A proven weakness or vulnerability in the security features and controls adopted by the Bank;

c) Transaksi yang dilakukan oleh Bank selepas Pelanggan atau Pemegang Amanah memaklumkan Bank tentang transaksi yang tidak dibenarkan atau pelanggaran, pendedahahan atau kebocoran maklumat ke atas apa-apa Butiran Keselamatan dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kebocoran maklumat Butiran Keselamatan tersebut bukan disebabkan oleh tindakan Pelanggan atau Pemegang Amanah sendiri;
Transaction(s) that is performed by the Bank after the Bank has been notified by the Customer or the Trustee of unauthorised transaction or of the breach, disclosure or data leakage of any Security Details provided that the said breach, disclosure or data leakage of Security Details was not due to Customer's or the Trustee's own acts;

d) Transaksi yang berlaku sebelum Pelanggan atau Pemegang Amanah menerima apa-apa Butiran Keselamatan yang berkaitan dengan akses dan penggunaan akaun Pelanggan atau Pemegang Amanah; dan/atau
Transaction(s) that occurred prior to the Customer or the Trustee receiving any Security Details in relation to the access and use of Customer's or the Trustee's account; and/or

e) Butiran Keselamatan yang dipalsukan, salah, tamat tempoh atau dibatalkan dengan syarat perkara tersebut bukan disebabkan oleh tindakan atau pengabaian Pelanggan atau Pemegang Amanah sendiri.

Security Details that are forged, faulty, expired or cancelled provided that it is not due to the Customer or the Trustee acts or omissions.

18 Hak untuk Mendebit Akaun Yang Ditetapkan dan Pelarasan / *Right to Debit Designated Account and Adjustment*

18.1 Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pendebitan Akaun Yang Ditetapkan ke atas sebarang amaun berkaitan yang telah tersilap bayar atau kredit ke dalam Akaun Yang Ditetapkan dan/atau oleh sebab mana-mana keralatan operasi Bank dan/atau sistem dan/atau mana-mana sebab lain yang di luar kawalan munasabah Bank dengan memberikan Notis yang memadai kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah sebelum sebarang pendebitan dilakukan.
The Customer hereby authorises the Bank to debit the Designated Account where relevant amount had been mistakenly paid or credited into the Designated Account and/or by virtue of any of the Bank's operational and/or system errors or malfunctioning and/or any other causes which is or are beyond the Bank's reasonable control by giving Adequate notice to the Customer prior to such debit.

19 Hak untuk Tolak Selesai / *Right to Set-Off*

19.1 Pelanggan atau Pemegang Amanah dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menolak selesai atau memindah sebarang baki kredit BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor bagi tujuan pengurangan dan/atau pelepasan sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada Bank di bawah akaun tersebut, dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh kuatkuasa kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah.
The Customer or Trustee hereby agrees that Bank has the right to set-off or transfer any credit balance in the Customer's BSN MGA-i or the Minor Customer's BSN JMGA-i towards the reduction and/or discharge of any sum due to the Bank under the said account, by giving seven (7) calendar days' notice prior to the effective date to the Customer or Trustee.

20. Pertukaran Butiran / *Change of Particulars*

20.1 Pelanggan atau Pemegang Amanah hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, tandatangan, mandat termasuk berkenaan Penandatangan Yang Diberi Kuasa oleh Pelanggan (jika ada) dan/atau butiran lain dengan mengunjungi cawangan Bank atau mengemas kini profil Pelanggan/ Pemegang Amanah/ Pelanggan Minor melalui Perbankan Internet BSN, sekiranya gagal, pihak Bank berhak untuk bergantung kepada butiran dan mandat terakhir Pelanggan/ Pemegang Amanah/ Pelanggan Minor yang terdapat dalam rekod Bank. Untuk penjelasan lanjut, tiada sebarang perubahan terhadap butiran atau mandat Pelanggan/Pemegang Amanah/Pelanggan Monor akan dianggap berkuat kuasa melainkan selepas Pelanggan atau Pemegang Amanah memaklumkan perubahan tersebut kepada Bank dengan sewajarnya, dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tindakan berdasarkan pemberitahuan perubahan butiran yang tidak diketahui secara sebenar oleh Bank pada masa perubahan itu dibuat.
The Customer or Trustee shall immediately inform the Bank of any changes of address, contact numbers, signature, mandate including in respect of the Customer's Authorised signatories (if any) and/or other particulars by visiting Bank's branches or by updating the Customer's/ Trustee's/ Minor Customer's profile through BSN's Internet Banking, failing which the Bank is entitled to rely on the

Customer's/Trustee's/Minor Customer's last known details and mandate in its record. For clarity, no change in the Customer's/Trustee's/Minor Customer's particulars or mandates shall be deemed effective unless the Customer or Trustee has duly notified the Bank of such changes and the Bank shall not be responsible for acting upon any notice of change of particulars of which it has no actual knowledge at the time the change is made.

21. Pembekuan Akaun / *Freezing of Account*

21.1 Pihak Bank berhak untuk membekukan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i pada bila-bila masa dan bagi tempoh yang difikirkan sesuai:
The Bank reserves the right to freeze the BSN MGA-i or BSN JMGA-I at any time and for such duration as it deems appropriate:

(a) berdasarkan mana-mana:
pursuant to any:
(i) undang-undang, peraturan atau enakmen yang terpakai; atau
applicable laws, regulations or enactments; or
(ii) arahan atau permintaan daripada BNM atau mana-mana pihak berkuasa atau badan kawal selia lain; atau
BNM's or any other authority or regulatory body's directives or requests; or
(iii) perintah mahkamah;
court orders;

(b) berikutan sebarang keadaan yang difikirkan sesuai oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
due to any circumstances the Bank considers appropriate, including but not limited to:

(i) kebankrapan Pelanggan atau Pemegang Amanah (sehingga pemegang amanah baru dilantik); atau
the bankruptcy of the Customer or Trustee (until a new trustee is appointed); or
(ii) penggulungan syarikat; atau
winding up of the company; or
(iii) kematian Pelanggan atau Pelanggan Minor; atau
the death of the Customer or Minor Customer; or
(iv) kematian mana-mana Penandatangan Yang Diberi Kuasa oleh Pelanggan (sehingga mandat baharu dikemukakan oleh Pelanggan); atau
the death of any Authorised signatory of the Customer (until a new mandate is produced by the Customer); or
(v) kematian Pemegang Amanah (sehingga pemegang amanah baharu dilantik); atau
the death of the Trustee (until a new trustee is appointed); or
(vi) kecurigaan berlakunya sebarang aktiviti penipuan atau aktiviti menyalahi undang-undang berkaitan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i yang memerlukan siasatan dijalankan oleh Bank atau mana-mana pihak berkuasa lain; atau
suspicion of any fraudulent or illegal activities concerning the BSN MGA-i or BSN JMGA-i necessitating investigation to be conducted by the Bank or any other authority bodies; or
(vii) dokumen atau maklumat yang dikemukakan oleh Pelanggan/Pemegang Amanah bagi pembukaan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i didapati palsu,,tidak betul dan/atau telah diubah suai; atau
the documents or information furnished by the Customer/Trustee for the opening of the BSN MGA-i or BSN JMGA-i are found to be false, incorrect and/or tampered; or
(viii) ketidakwarasan Pelanggan/ Pemegang Amanah; atau
the Customer's/Trustee's insanity; or
(ix) Bank melaksanakan haknya untuk menolak hutang yang terhutang kepada Bank.
the Bank is exercising its right to set-off the debt owing to the Bank.

21.2 Pelanggan atau Pemegang Amanah hendaklah berunding dengan pihak Bank bagi tujuan tidak membekukan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i bersama bukti yang sewajarnya yang memuaskan hati pihak Bank.
The Customer or Trustee shall consult the Bank for the purpose of unfreezing the BSN MGA-i or BSN JMGA-i with appropriate evidence to the satisfaction of the Bank.

21.3 Pelanggan atau Pemegang Amanah bersetuju bahawa jika Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam apa-apa tindakan guaman yang timbul kerana tindakan Bank dalam pembekuan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i atau jika Bank sebelum atau selepas pembekuan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i itu memulakan apa-apa tindakan guaman terhadap mana-mana pihak termasuk Pelanggan atau Pemegang Amanah atau Pelanggan Minor untuk apa-apa relief atau pengisytiharan yang wajar yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, ganti rugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau selainnya termasuk kos berdasarkan rundingan peguam cara dengan pelanggan) yang mungkin dikenakan ke atas Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank, hendaklah ditanggung rugi oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah.
The Customer further agrees that should the Bank be sued or be made a party in any suit arising out of the Bank's action in freezing of the BSN MGA-i or BSN JMGA-i herein or should the Bank before or after the freezing of the BSN MGA-i or BSN JMGA-i commence any suit including but not limited to any interpleader proceedings against any party including the Customer for any appropriate relief or declaration to be made by any court, all penalties, losses, damages, claims, expenses, charges and costs (legal or otherwise including costs on a solicitors and client basis) which may be awarded against the Bank or which the Bank may incur shall be indemnified by the Customer or Trustee.

21.4 Selain daripada sebarang peruntukan yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini, pihak Bank akan menyekat atau mengehadkan atau menangguhkan operasi semua akaun Pelanggan atau Pelanggan Minor dengan Bank berkaitan dengan BSN MGA-i atau BSN JMGA-i menurut terma mana-mana perintah mahkamah (kebankrapan, penggulungan, injunksi, Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Pencegahan Pembiayaan Keganasan) atau permohonan tunjuk sebab yang disampaikan ke atasnya dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada sekatan atau pengehadan atau penangguhan itu.
In addition to any provision herein, the Bank shall block, restrict, or suspend the operation of all accounts of the Customer or Minor Customer with the Bank which are related to BSN MGA-i or BSN JMGA-i in accordance with the terms of any court orders (bankruptcy, winding-up, injunctions, Anti-Money Laundering/Anti-Terrorism Financing) or show-cause applications served on it and the Bank shall not be liable for any damages suffered by the Customer as a result of such block/restriction/suspension.

22. Keadaan yang tidak Dijangka / *Unforeseen Circumstances*

22.1 Bank akan tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah atau Pelanggan Minor atau mana-mana pihak ketiga di atas sebarang kesulitan, kecederaan, perbelanjaan, liabiliti, ganti rugi, kehilangan dari keuntungan, pendapatan atau nama baik jika:
The Bank will not be liable to the Customer or Trustee or Minor Customer or any third party for any inconvenience, injury, expense, liability, damages, loss of profits, earnings or goodwill if:

a) Bank tidak dapat melaksanakan salah satu kewajibannya atau memberikan apa-apa perkhidmatan kerana keadaan yang tidak dijangka (Force Majeure); dan/atau
the Bank is unable to perform any of its obligations or provide any services due to unforeseen ciscumstances (Force Majeure); and/or

b) sekiranya pembayaran dikreditkan atau didebitkan dari BSN MGA-i atau BSN JMGA-i menjadi tidak dapat diakses atau berkurang nilainya kerana keadaan yang tidak dijangka (Force Majeure).
if monies credited to or debited from the BSN MGA-i or BSN JMGA-i become inaccessible or diminish in value due to the unforeseen circumstances (Force Majeure).

22.2 Untuk mengelakkan sebarang keraguan, keadaan yang tidak dijangka atau force majeure bermaksud termasuk namun tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, malapetaka, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian perindustrian, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor yang bersifat tidak boleh dijangka di luar kawalan Bank.
For avoidance of any doubt, unforeseen circumstances or Force Majeure means including but not limited to fire, earthquake, flood, epidemic, pandemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any unforeseen circumstances that not within the Bank's control.

23. Perubahan Terma dan Syarat / *Change of Terms and Conditions*

23.1 Walau apapun yang terkandung disini, Bank berhak dengan memberi Notis yang memadai sebelum tarikh berkuatkuasa, untuk menambah, menggugur atau meminda mana-mana peruntukan yang dinyatakan di sini pada bila-bila masa. Sebarang perubahan, penambahan, pengguguran atau pindaan kepada peruntukan di dalam ini akan mengikat Pelanggan atau Pemegang Amanah atau Pelanggan Minor dan Bank dianggap telah membuat pemakluman kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah atau Pelanggan Minor melalui notis tersebut. Kesemua Terma dan Syarat sebelumnya akan terbatal dan digantikan sepenuhnya oleh Terma dan Syarat terkini.
The Bank reserves the right, upon giving Adequate notice prior to the effective date, to add, delete or amend any of the provisions stated herein at any time. Any variations, additions, deletions or amendments to the provisions herein shall be binding on the Customer or Trustee or Minor Customer and the Bank is deemed to have been brought to the attention of the Customer or Trustee or Minor Customer through notices. All the previous Terms and Conditions shall be revoked and wholly be superseded by the latest Terms and Conditions.

23.2 Sebarang pemakluman daripada Bank kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah boleh dihantar secara peribadi atau melalui pos berdaftar or pos biasa kepada Pelanggan atau Pemegang Amanah di alamat semasa yang direkodkan oleh Bank atau melalui paparan di Laman Web BSN atau premis Bank atau melalui SMS atau dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
Any notification from the Bank to the Customer or Trustee can be delivered personally or by registered or ordinary post to the Customer or Trustee at the current address kept by the Bank or by displaying at BSN's Website or premises or through SMS or any other manner which deemed appropriate by the Bank.

24. Undang-Undang yang Mengawal & Bidang Kuasa / *Governing Law & Jurisdiction*

24.1 Terma dan Syarat ini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
These Terms and Conditions shall be governed by and construed in all respects in accordance with the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Court of Malaysia.

25. Pendedahan Maklumat Pelanggan dan Data Peribadi / *Disclosure of Customer Information and Personal Data*

25.1 Pelanggan atau Pemegang Amanah bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, menyelenggara dan menyimpan data peribadi yang diberikan oleh Pelanggan atau Pemegang Amanah atau yang Bank terima berkenaan Pelanggan atau Pemegang Amanah atau Pelanggan Minor dan/atau BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor.
The Customer or Trustee consents and authorises the Bank to collect, process, disclose, transfer, maintain, store and retain personal data that the Customer or Trustee provide to or that the Bank has obtained about the Customer or Trustee or Minor Customer and/or the Customer's BSN MGA-i or Minor Customer's BSN JMGA-i .

25.2 Pelanggan atau Pemegang Amanah bersetuju agar Bank mendedahkan keadaan kewangan, perincian BSN MGA-i Pelanggan atau BSN JMGA-i Pelanggan Minor dan hubungan Pelanggan atau Pemegang Amanah atau Pelanggan Minor dengan Bank:
The Customer or Trustee consents and agrees for the Bank to disclose the financial condition, details of the Customer's BSN MGA-i or the Minor Customer's BSN JMGA-i and the Customer's or Trustee's or Minor Customer's relationship with the Bank:

a) untuk mematuhi perintah atau permintaan yang dibuat oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia berdasarkan undang-undang bertulis untuk tujuan penyiasatan;
to comply with an order or request made by the enforcement agency in Malaysia under any written law for the purpose of investigation;

b) pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk vendor penyumberan luar, peguam, penama, penjaga, simpanan sekuriti terpusat, pendaftar, ejen pemungut hutang) kepada Bank;
parties providing services (including outsourcing vendors, lawyers, nominees, custodians, centralized securities depository or registrar, debt collection agents) to the Bank;

c) ejen, perunding dan penasihat professional Bank;
the Bank's agents, consultants and professional advisers;

d) mana-mana rakan stategik Bank bagi produk dan perkhidmatannya yang tertakluk kepada kewajipan kerahsiaan dengan BSN;
any of the Bank's strategic partners in respect of its banking products and services who are under the duty of confidentiality with BSN;

e) mana-mana orang atau entiti lain kepada siapa pendedahan itu diizinkan atau diharuskan oleh undang-undang, peraturan atau arahan pemerintah.
Any other person or entity to whom disclosure is permitted or required by any law, regulation or governmental directive.

26. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Perolehan Kegiatan Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001") / *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ("AMLATFPUAA 2001")*

26.1 Pihak Bank mempunyai kewajipan di bawah AMLATFPUAA 2001 dan/atau mana-mana undang-undang dan peraturan lain untuk: */ The Bank may be obliged under the AMLATFPUAA 2001 and/or any other laws and regulations to:*

a) dilarang daripada memasuki atau membuat transaksi yang melibatkan sebarang aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
prohibit from entering or concluding transactions involving any money laundering and terrorist financing activities;

b) melaporkan transaksi tertentu kepada BNM dan/atau pihak berkuasa lain yang berkaitan dan Pelanggan dengan ini memberi kebenaran terhadap perkara yang sama dan bersetuju bahawa pihak Bank, pegawainya dan pekerjanya tidak bertanggungjawab terhadap laporan yang dibuat tersebut.
report certain transactions to BNM and/or other relevant authorities and the Customer hereby consent to the same and agrees that the Bank, its officers and employees shall be under no liability for making such reports.

26.2 Pelanggan atau Pemegang Amanah mengesahkan kepada pihak Bank bahawa Pelanggan atau Pemegang Amanah atau Pelanggan Minor tidak terlibat dalam sebarang aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.
The Customer confirms to the Bank that the Customer or Trustee or Minor Customer is not involved in any money laundering and terrorist financing activities.

27. Lain-lain peruntukan / *Other provisions*

27.1 Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana brosur, material pemasaran atau promosi berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions with any brochures, marketing and promotional materials relating to the campaign or its promotion, these Terms and Conditions shall prevail.

27.2 Pelanggan beragama Islam hendaklah bertanggungjawab membayar zakat ke atas Emas Pelanggan.
Muslim Customers shall be responsible for paying the zakat due on the Customer's Gold.

PENAFIAN: *DISCLAIMER*:

Pulangan pada BSN MGA-i atau BSN JMGA-i adalah tertakluk kepada turun naik harga Emas. Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat BSN MGA-i atau BSN JMGA-i ini sebelum membuat sebarang pelaburan Emas.
The returns on BSN MGA-i or BSN JMGA-i are subject to the Gold price fluctuations. Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions of BSN MGA-i or BSN JMGA-i before making any Gold investment.

- Terma dan Syarat Tamat -
- End of the Terms and Conditions -